

KEINDAHAN KAMPUNG AGONG SETANDING PULAU BALI

Oleh: Nurul Huda binti Nawi, 1172399

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 37 July 2020

Kampung Agong merupakan sebuah kampung yang menjadi tular sejak kebelakangan ini dalam kalangan pengguna Instagram dan penduduk tempatan.

Sesiapa sahaja yang mengunjungi desa yang terletak di Kampung Bakar Kapor di Penaga, Seberang Perai, Pulau Pinang ini pasti berasa seolah-olah mereka berada di Pulau Bali, Indonesia.

Kebun kelapa, sawah padi dan pagar buluh merupakan panorama yang menambahkan keindahan Kampung Agong.

Mereka yang ingin menggamit nostalgia kehidupan orang Melayu di desa pada zaman silam sangat digalakkan mengunjungi destinasi pelancongan berkonsep perkampungan tradisional ini.



Pemandangan di Kampung Agong.

Untuk makluman mereka yang ingin berkunjung ke sini, Kampung Agong dibuka setiap hari mulai pukul 9 pagi hingga enam petang.

Pengunjung dikenakan bayaran masuk sebanyak RM3 untuk kanak berumur empat hingga 11 tahun manakala mereka yang berumur 12 tahun ke atas perlu membayar RM5. Warga asing pula dikenakan bayaran RM10.

Persekitaran yang sangat bersih dan segar menarik kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara yang ingin bercuti dalam suasana yang tenang dan bebas dari hiruk-pikuk kota.



Pondok yang disediakan untuk pengunjung dan basikal lama.

Puluhan pondok yang disediakan di sekitar Kampung Agong membolehkan para pengunjung beristirahat sambil menikmati air kelapa segar. Malah, mereka boleh juga melakukan aktiviti barbeku.

Antara aktiviti lain yang boleh dilakukan di sini adalah memancing di tepi sungai, berbasikal mengelilingi kampung dan bergambar untuk merakamkan kenangan.



Peta kawasan Kampung Agong. Sumber foto- Laman Facebook Kg Agong, Penaga.

Beberapa tarikan utama pengunjung di Kampung Agong adalah sarang burung gergasi, buaian yang berlatarkan pemandangan sawah padi menghijau, basikal lama dan rumah kampung tradisional masyarakat Melayu.



Rumah kampung berkonsepkan rumah tradisional masyarakat Melayu.



Sarang burung gergasi.



Buaian yang menjadi tarikan pelancong.

Pengalaman hampir seharian di Kampung Agong memang menyeronokkan lebih-lebih lagi apabila menjamu mata dengan panorama yang nyaman dan sejuk mata memandang.

Sesiapa sahaja yang pernah menjejakkan kaki di sini pasti tidak melupakan persekitarannya yang bersih dan tenang sekali gus menimbulkan keinginan untuk berkunjung ke Kampung Agong sekali lagi.

Sememangnya kunjungan ke Kampung Agong merupakan satu kenangan yang tidak dapat dilupakan dan memberi pengalaman yang sangat berharga.



Bersantai di buaian berlatarkan sawah padi yang menghijau.